

Senarai Ahli dilampirkan  
Kandungan dilampirkan

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Jumaat, 25 Februari 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**4.00 ptg.**

**Menteri Kewangan [Tun Dato' Daim Zainuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah S.W.T. atas limpah kurnia-Nya yang mana dengan izin-Nya, Kerajaan Barisan Nasional telah mendapat mandat baru daripada rakyat untuk membentuk semula kerajaan. *[Tepuk]* Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini mengucap penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh lapisan rakyat di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada Barisan Nasional untuk menerajui semula kerajaan. Sesungguhnya, kemenangan ini adalah kemenangan rakyat, kemenangan untuk demokrasi, kestabilan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan. Tahniah, saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih untuk mewakili rakyat bagi kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional membuktikan kematangan rakyat dalam membuat pemilihan yang bijak dan tepat. Sokongan majoriti rakyat akan membolehkan Barisan Nasional meneruskan kesinambungan mentadbir dan

membangunkan negara. Kita bersyukur pilihan raya umum telah berjalan lancar tanpa sebarang gangguan hasil kerjasama semua pihak berteraskan gabungan semangat dan tradisi demokrasi yang kita amalkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 29 Oktober 1999 yang lalu saya telah membentangkan Belanjawan 2000 di Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Perbekalan 2000 tidak sempat diluluskan kerana Parlimen telah dibubarkan pada 11 November 1999. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Perbekalan 2000 kini dibentangkan semula di Dewan ini untuk dibahas dan diluluskan.

Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan 42 tahun lalu, rakyat telah dapat menikmati mutu hidup yang semakin baik. Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 menunjukkan indeks kualiti hidup di negara ini bagi tempoh 1980-1998 secara keseluruhannya meningkat daripada 86.2 mata kepada 105.7 mata. Peningkatan ini dicapai terutamanya dalam bidang pendidikan, pendapatan dan pengagihan, kehidupan keluarga, kesihatan, pengangkutan dan komunikasi, penyertaan sosial, perumahan dan persekitaran kerja.

Peningkatan ini adalah hasil daripada usaha gigih kerajaan melaksanakan pelbagai dasar dan program. Bagaimanapun, jalan yang dilalui bagi mencapai kejayaan ini bukanlah mudah. Kita terpaksa berhadapan dengan pelbagai pahit getir cabaran dan rintihan. Namun, kita mampu menghadapi cabaran ini dan berjaya membawa negara ke mercu kecemerlangan. Negara juga telah menghadapi tekanan hebat dari luar semasa krisis kewangan baru-baru ini kerana menolak penyelesaian mengikut pendekatan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Tetapi berkat ketabahan, kecekalan dan keyakinan rakyat, kita telah berjaya menghadapinya, malah kita telah membuktikan bahawa pendekatan yang diambil oleh kepimpinan negara memulihkan ekonomi telah berjaya mempertahankan kepentingan rakyat. Kini, Malaysia muncul sebagai satu-satunya negara yang telah berjaya menangkis tekanan luar semasa krisis kewangan dengan melaksanakan pengurusan makro ekonomi mengikut acuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat harus bangga kerana kita telah berupaya mencorak serta menentukan sistem politik dan hala tuju pembangunan negara mengikut pendekatan sendiri berasaskan keperluan dan keutamaan kita tanpa tunduk kepada telunjuk mereka

yang mempunyai agenda tersendiri. Kita mesti percaya ke atas keupayaan dan kemampuan diri kita sendiri. Kita percaya kita ada kebolehan mengatasi segala masalah dengan buah fikiran kita sendiri. Jiwa merdeka mesti terus disemai dalam semua rakyat Malaysia dan kita senantiasanya rela berkorban demi mempertahankan kemerdekaan, iaitu sama ada dari segi ekonomi atau politik.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas, atas semangat jati diri dan jiwa merdeka ini, kita telah berjaya mengharungi kegawatan ekonomi yang paling perit pernah dialami dalam sejarah tanah air. Kejayaan ini menjadi lebih bermakna kerana pelbagai ramalan mengenai kegagalan serta kesan buruk yang akan menimpa negara yang dibuat oleh pihak-pihak yang iri hati dengan kita, tidak menjadi realiti. Berkat ketabahan dan usaha gigih semua rakyat, kita berjaya keluar daripada krisis ekonomi tanpa bergantung kepada bantuan asing dan pemilikan aset negara masih lagi di tangan kita. Kerajaan yakin dengan mandat baru yang diberi oleh rakyat, negara akan terus mencapai kemakmuran melalui pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap dan saksama dalam abad ini.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan terkini menunjukkan pemulihan ekonomi negara kian pesat dan meluas, dengan kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar meningkat daripada 4.1 peratus pada suku kedua tahun 1999 kepada 8.2% pada suku ketiga dan 10.6 peratus pada suku keempat. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu pemulihan yang ketara selepas mengalami penguncupan selama lima suku tahun berturut-turut sejak suku pertama tahun 1998. Pemulihan yang kukuh ini didorong oleh peningkatan pesat dalam pengeluaran dan eksport barangan perkilangan, di samping pemulihan di sektor pembinaan. Permintaan dalam negara juga kembali meningkat, didorong oleh perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta. Justeru, kadar pertumbuhan KDNK benar bagi tahun 1999 yang disemak semula berasaskan prestasi ekonomi terkini adalah lebih tinggi, iaitu 5.4% berbanding 4.3% yang dianggarkan semasa saya membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober yang lalu. Ini jelas menunjukkan bahawa ekonomi negara telah kembali pulih dan krisis kewangan telah berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat ini telah didorong oleh asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh. Perdagangan luar negara terus mencatat lebihan selama 26 bulan berturut-turut, iaitu dari bulan November 1997 hingga Disember

1999. Bagi keseluruhan tahun 1999, lebih perdagangan berjumlah RM72.3 bilion, iaitu jumlah terbesar yang pernah dicatatkan. Justeru, akaun semasa imbalan pembayaran negara kini dianggarkan mencatat lebih sebanyak RM47.4 bilion. Lebih ini telah membolehkan rizab negara meningkat daripada USD20.2 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada USD33.8 bilion pada 24 Februari 2000 yang mampu membiayai 6.4 bulan import tertanggung. Pada masa yang sama, inflasi dapat dibendung pada kadar 2.8%, berbanding 5.3% bagi tahun 1998.

Prestasi ekonomi yang bertambah baik serta asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh telah memantapkan lagi keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara. Indeks komposit di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah melonjak kepada 1,009.53 mata pada 24 Februari 2000, iaitu peningkatan sebanyak 284% berbanding dengan tahap terendah 262.7 mata pada 1 September 1998. Nilai pasaran BSKL turut meningkat sebanyak RM551.18 bilion atau 304% daripada RM181.49 bilion kepada RM732.67 bilion dalam tempoh tersebut. Jika dilihat dari prestasi ekonomi yang semakin pulih dan prestasi kewangan korporat yang lebih baik, tidak ada sebab BSKL tidak akan terus meningkat. Tetapi malangnya, pelabur-pelabur dan penganalisis masih melihat ke negara Barat untuk petunjuk. Sepatutnya, prestasi BSKL ditentukan oleh perkembangan ekonomi negara serta pencapaian syarat-syarat yang disenaraikan di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, sektor kewangan dan korporat semakin kukuh. Malaysia adalah antara negara yang berjaya menangani masalah hutang tidak berbayar, dengan izin, NPL, meningkatkan suntikan modal ke dalam sistem perbankan dan menggalakkan penyusunan semula korporat. Setakat 31 Disember 1999, Danaharta telah mengambil alih NPL bernilai RM45.5 bilion. Daripada jumlah ini, Danaharta telah atau sedang dalam peringkat akhir menyelesaikan NPL berjumlah RM17.6 pada nilai kasar. Danamodal pula telah menyuntik modal sebanyak RM7.59 bilion ke dalam 10 institusi perbankan. Sehingga 9 Februari 2000, Jawatankuasa Pengstruktur Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menerima 67 permohonan dengan jumlah hutang RM36.3 bilion. Daripada jumlah ini, 19 skim penyusunan semula yang melibatkan hutang sebanyak RM14.1 bilion telah dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan tahun 1999 juga telah menunjukkan pencapaian yang lebih baik daripada yang dijangkakan. Berikutan daripada langkah rangsangan fiskal serta pengurusan kewangan kerajaan yang lebih cekap, kadar kurang belanja perbelanjaan pembangunan telah dapat dikurangkan daripada 19.9 % pada tahun 1998 kepada 12.5% pada tahun 1999.

Prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya juga telah bertambah baik. Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan telah dikurangkan kepada RM9.5 bilion atau 3.4% dari Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding dengan defisit sebanyak RM16.1 bilion atau 6.1% daripada KNK yang dianggarkan dalam Belanjawan asal 1999. Kedudukan Kewangan yang lebih baik ini adalah berikutan daripada kutipan hasil sebanyak RM58.7 bilion berbanding dengan anggaran asal sebanyak RM47.2 bilion. Di samping itu, perbelanjaan mengurus sebenar berkurangan kepada RM46.7 bilion berbanding dengan anggaran asal sebanyak RM47 bilion.

Perkembangan positif di sektor-sektor ekonomi dan kewangan serta perbelanjaan kerajaan yang menggalakkan telah memberi kesan limpahan kepada perkembangan di sektor sosial. Purata pendapatan bulanan isi rumah telah meningkat sebanyak 3.7% daripada RM2,392 dalam tahun 1998 kepada RM2,480 dalam tahun 1999. Paras kemiskinan telah merosot daripada 8.5% kepada 6.9% dalam tempoh tersebut. Bagi kumpulan termiskin pula, paras kemiskinan juga telah berkurangan daripada 1.9% kepada 1.4%. Di samping itu, kadar pengangguran telah berkurangan daripada 3.2% kepada 3.0%.

Prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2000 semakin memberangsangkan. Perkembangan ekonomi dunia dijangka terus kukuh dengan kadar pertumbuhan hampir 4%. Prestasi ekonomi rakan-rakan perdagangan Malaysia di Asia Timur dijangka terus pulih. Ekonomi negara-negara Eropah bertambah baik, manakala ekonomi Amerika Syarikat terus kukuh.

Berdasarkan perkembangan luar ini, berserta dasar-dasar dan langkah-langkah pragmatik kerajaan untuk mengukuhkan lagi pemulihan ekonomi, KDNK dijangka akan berkembang pada kadar 5.8%, iaitu melebihi ramalan awal 5% semasa pembentangan Belanjawan pada 29 Oktober 1999. Sungguhpun import barangan dan perkhidmatan negara akan meningkat berikutan permintaan dalam negeri yang lebih mantap, akaun

semasa imbangan pembayaran dijangka akan terus mencatat lebih kerana prestasi eksport yang terus meningkat. Di samping itu, kerajaan akan sentiasa memberi perhatian kepada sebarang tekanan harga barangan dan perkhidmatan. Jika perlu, langkah tambahan akan diambil, terutamanya dari segi menambah bekalan bagi memastikan kadar inflasi negara kekal rendah.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan 2000 pada bulan Oktober 1999, saya telah mencadangkan beberapa langkah cukai serta kenaikan gaji dan elaun imbuhan perumahan pegawai awam. Setelah mengambil kira cadangan-cadangan tersebut, defisit keseluruhan dijangka mencatatkan sekitar 5% daripada KNK dalam tahun 2000. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, kutipan hasil dijangka meningkat kepada RM61.8 bilion berbanding dengan RM58.8 bilion yang dianggarkan semasa pembentangan Belanjawan 2000 pada Oktober 1999. Oleh itu, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000 ini dijangka berkurangan kepada 4.5% daripada KNK. Pencapaian ini mencerminkan pengurusan dasar fiskal kerajaan yang penuh bertanggungjawab, berwawasan serta sentiasa mengamalkan belanjawan yang berhemat dan tidak boros.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan 2000 yang telah saya bentangkan di Dewan yang mulia ini pada 29 Oktober yang lepas adalah dikekalkan. Belanjawan 2000 bertujuan untuk meletakkan asas bagi menghadapi cabaran serta merebut peluang-peluang di alaf baru melalui pemantapan pertumbuhan ekonomi, pengukuhan daya saing dan daya tahan negara, menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan, memantapkan pembangunan sektor pertanian, membangunkan sumber manusia untuk memenuhi keperluan masa hadapan negara serta meneruskan agenda sosial negara dan penjagaan alam sekitar.

Strategi belanjawan ini adalah selaras dengan dasar makroekonomi yang pragmatik yang memberi penekanan kepada rangsangan fiskal serta menyediakan persekitaran yang bersesuaian bagi mencergaskan semula sektor swasta. Untuk menggalakkan kegiatan sektor swasta, semua langkah percukaian yang telah saya umumkan akan dikekalkan. Walau bagaimanapun, beberapa langkah tersebut belum dapat dikuatkuasakan sehingga pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kewangan 2000 diluluskan. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) mengurangkan kadar cukai pendapatan individu, koperasi dan individu bukan pemastautin sebanyak satu mata peratus;
- (ii) meningkatkan kadar pelepasan diri daripada RM5,000 kepada RM8,000;
- (iii) menyamakan kadar bayaran duti setem ke atas suratcara pinjaman berterma a-Ijarah dengan kadar bayaran duti setem produk perbankan konvensional;
- (iv) memberi pengecualian cukai sepenuhnya ke atas semua sumber pendapatan syarikat modal teroka selama sepuluh tahun;
- (v) menaikkan pelepasan peremium insurans pendidikan dan perubatan daripada RM2,000 kepada RM3,000;
- (vi) memberikan pelepasan ke atas premium anuiti sehingga RM1,000 kepada pembayar cukai yang membeli anuiti di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- (vii) meningkatkan pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima bagi penggubahan lagu daripada RM12,000 kepada RM20,000 setahun.

Saya juga ingin mengumumkan bahawa syarikat-syarikat tersenarai tempatan kini diberi pengecualian daripada had 25% bagi perolehan harta-harta intelek dan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia yang berdaftar di luar negara. Pengecualian ini bertujuan untuk membolehkan mereka membawa balik harta intelek dan perniagaan ke negara kita. Langkah ini juga bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri teknologi maklumat (IT), iaitu sebagai tambahan kepada langkah-langkah sedia ada, termasuk pemberian taraf perintis dan elaun cukai pelaburan. Di samping itu, peralatan komputer juga diberikan elaun modal dipercepatkan, manakala duti import dan cukai jualan dihapuskan.

Untuk terus menyokong pembangunan industri baru berasaskan teknologi tinggi menjadi jentera penggerak ekonomi negara, dana secukupnya perlu diadakan memandangkan industri ini adalah berisiko tinggi. Bagi tujuan ini, saya telah mengumumkan sebuah tabung khas berjumlah RM500 juta pada 29 Oktober yang lalu.

Tabung tersebut disalurkan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM200 juta, Maybank Berhad RM50 juta, Bumiputra Commerce Berhad RM50 juta dan Bank Industri Dan Teknologi Malaysia Berhad (BITMB) RM200 juta. Bagi dana di bawah BITMB, syarikat milik rakyat Malaysia boleh mendapat kemudahan pembiayaan modal teroka untuk membeli loji, jentera dan kelengkapan serta membina bangunan kilang bagi sektor teknologi tinggi, termasuk dengan izin, *advanced electronic, bio-technology, precision engineering, advanced manufacturing, information technology*, dan *indigenous technology*. Dengan kemudahan ini, kerajaan berharap dapat memesatkan lagi kegiatan industri berasaskan teknologi tinggi. Ini adalah selaras dengan Pelan Induk Industri Kedua untuk meningkatkan nilai tambah sektor perkilangan serta meninggikan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

BITMB juga akan mengendalikan Tabung Pendidikan Khas dengan dana RM200 juta untuk membolehkan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mendapat pinjaman mudah bagi membiayai pembelian peralatan latihan dan pendidikan. Pinjaman ini adalah untuk membeli jentera dan kelengkapan, perkakasan dan perisian komputer bagi kursus-kursus di bidang perubatan, kejuruteraan dan multimedia.

Semasa membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober yang lalu, saya telah mengumumkan Syarikat Jaminan Kredit (CGC) akan disusun semula untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesannya bagi memudahkan pemberian pinjaman kepada industri kecil dan sederhana (IKS). Sektor ini diberi perhatian, memandangkan ianya merupakan tulang belakang kepada pembangunan perindustrian negara. Untuk itu, CGC ditarafkan sebagai institusi pembangunan kewangan di bawah pengawalseliaan BNM dan diberi suntikan modal tambahan sebanyak RM1 bilion. Sebagai tambahan, kesemua tabung IKS di bawah BNM diletakkan di bawah pengawasan CGC.

Saya juga telah mengumumkan penyediaan Pelan Induk Pasaran Modal untuk memperkukuhkan lagi pasaran modal dalam usaha memperluas dan mempelbagaikan kegiatan pasaran kewangan, termasuk pasaran ekuiti dan pasaran modal Islam. Ini juga sebagai langkah persiapan awal untuk menjadikan industri pasaran modal tempatan lebih cekap dan berdaya saing dalam menghadapi perkembangan liberalisasi dan globalisasi serta perubahan IT. Sejajar usaha ini, *Universal Brokers*, dengan izin, akan dikenal pasti untuk menjalankan kegiatan yang lebih luas di pasaran modal, termasuk kegiatan-

kegiatan kewangan korporat. Mereka juga dibenar menubuhkan cawangan. Walau bagaimanapun, selaras dengan objektif penyatuan industri pembrokeran, *Universal Brokers* dikehendaki bergabung dengan syarikat-syarikat broker sham yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus melaksanakan rangsangan fiskal untuk mengukuhkan pemulihan serta mencergaskan semula ekonomi. Bagi melaksanakan usaha-usaha ini dengan berkesan, kerajaan akan terus mengamalkan prinsip pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat. Akaun semasa kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dipastikan mempunyai lebihan atau sekurang-kurangnya berimbang, manakala defisit keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan akan dipertahankan pada paras terkawal, iaitu lebih kurang 5 % daripada KNK.

Dari segi pembiayaan pula, kerajaan akan memastikan supaya sebahagian besar defisit dibiayai daripada sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi seperti penerbitan sekuriti dan bon kerajaan, khususnya kepada dana kumpulan-kumpulan wang pekerja, pencen dan insurans. Ini akan memastikan hutang negara dan nisbah khidmat hutang dapat dikekalkan pada paras yang rendah.

Peruntukan Belanjawan 2000 yang dicadangkan adalah seperti yang telah saya bentangkan pada 29 Oktober 1999, iaitu sebanyak RM78.03 bilion. Daripada jumlah ini, RM53.35 bilion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM24.7 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Pengagihan mengikut kategori-kategori utama Perbelanjaan Mengurus ialah RM28.37 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, RM14.61 bilion untuk Emolumen, RM7.56 bilion untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM610 juta untuk kelengkapan dan kemudahan pejabat dan RM2.2 bilion untuk perbelanjaan lain, termasuk bayaran balik cukai.

Bagi Perbelanjaan Pembangunan pula, RM10.88 bilion adalah untuk sektor ekonomi, RM7.25 bilion untuk sektor sosial termasuk RM3.7 bilion untuk pendidikan dan latihan, RM908 juta untuk kesihatan dan RM1.2 bilion bagi program perumahan kos rendah dan sederhana. Di samping itu, RM2.63 bilion adalah untuk sektor keselamatan, RM2.91 bilion untuk sektor perkhidmatan am dan RM1 bilion untuk simpanan luar jangka.

Program-program pembangunan luar bandar akan terus diberi penekanan. Sebanyak RM129 juta diperuntukkan bagi menyediakan bekalan air kepada penduduk di

luar bandar. Pada tahun ini, sebanyak 1,000 projek dijangka dilaksanakan, yang memberi manfaat kepada 30,000 keluarga di seluruh negara. Bagi perkara kesihatan di luar bandar, peruntukan sebanyak RM153.84 juta disediakan bagi pembinaan klinik desa, rumah-rumah bidan dan lain-lain kemudahan kesihatan. Bagi penduduk di kawasan pedalaman, bekalan air bersih serta kerja-kerja mempertingkatkan kemudahan rawatan dan kesihatan akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM21.1 juta. Kerajaan juga akan memperkenalkan perkhidmatan sistem *Wireless in Local Loop*, dengan izin, ke kawasan luar bandar. Langkah ini akan melibatkan perbelanjaan oleh Telekom Malaysia Berhad sebanyak RM318 juta, di mana seramai 120,000 pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman akan dapat menikmati kemudahan perkhidmatan telefon.

Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan dan kebajikan Orang Asli. Selaras dengan ini, sejumlah RM30.5 juta telah disediakan bagi tahun 2000. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7 juta adalah untuk pemberian biasiswa serta membiayai pakaian sekolah, tambang pengangkutan dan peralatan pendidikan bagi anak-anak Orang Asli. Sebanyak RM336 ribu pula, adalah untuk membayar kenaikan kadar elaun Tok Batin. Sebagai tambahan, sejumlah RM46 juta disediakan bagi projek penempatan semula kampung-kampung Orang Asli, dana projek sosioekonomi, termasuklah projek bekalan air bersih.

Program tanam semula merupakan satu strategi penting pembangunan sektor pekebun kecil untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah. Bagi tujuan ini, sejumlah RM201 juta disediakan kepada RISDA untuk melaksanakan program tanam semula yang melibatkan keluasan 45 ribu hektar pada tahun 2000. Di samping itu, Tabung Yayasan Pekebun kecil telah ditubuhkan untuk membantu pekebun kecil melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan seperti tanaman kontan, termasuk tanaman kenaf, ternakan, memproses makanan dan lain-lain. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM100 juta sebagai tambahan kepada RM20 juta yang akan diperolehi daripada sumber dalaman RISDA. Untuk memastikan Tabung ini dilaksanakan dengan berkesan, RISDA akan terlibat secara langsung di dalam merancang aktiviti dan seterusnya memperkemas serta meluaskan sistem pemasaran hasil yang akan dikeluarkan oleh para pekebun kecil berkenaan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan telah disediakan untuk membina 1,592 kilometer jalan luar bandar. Bagi tahun 2000, sebanyak RM201 juta telah disediakan bagi projek-projek ini, termasuk untuk membina dan menaikkan taraf jalan-jalan kampung.

Pembinaan rumah kos rendah terus diberi keutamaan, selaras dengan dasar kerajaan untuk menyediakan tempat tinggal berkualiti yang mencukupi dan mampu dibeli atau disewa oleh rakyat Malaysia, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, sejumlah RM4.3 bilion disediakan di bawah beberapa dana khas, seperti Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, Tabung Khas Rumah Kos Rendah dan Sederhana serta dana perumahan kos rendah Syarikat Perumahan Negara. Setakat ini, sejumlah 35,000 unit telah siap dibina dan kira-kira 52,000 berada di berbagai peringkat pembinaan di bawah pembiayaan tabung-tabung tersebut.

Selain daripada dana-dana khas ini, kerajaan juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM492 juta untuk melaksanakan Projek Perumahan Awam Kos Rendah serta Projek Perumahan Rakyat Bersepadu. Di bawah Projek Perumahan Awam Kos Rendah, sebanyak 13,307 unit rumah telah siap dibina sementara sebanyak 45,447 unit lagi sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Bagi Projek Perumahan Rakyat Bersepadu yang dilaksanakan di Kuala Lumpur, sebanyak 26 projek yang terdiri daripada 34,892 unit rumah kediaman telah diluluskan. Untuk memastikan penghuni tinggal dalam suasana yang selesa, setiap unit rumah yang dibina di bawah program-program ini mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air. Di samping itu, setiap kawasan perumahan mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap. Saya dengan ini, meminta supaya pemaju-pemaju perumahan swasta juga membina kediaman kos rendah dengan spesifikasi dan kemudahan asas yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10%, melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan serta meningkatkan kadar imbuhan tetap perumahan sebanyak 50% kepada kakitangan kerajaan berpendapatan rendah. Di sini, saya juga ingin menjelaskan bahawa pesara dan penerima pencen akan turut mendapat manfaat dari kenaikan 10% gaji kakitangan perkhidmatan awam. *[Tepuk]*. Pencen yang diterima oleh mereka akan diselaraskan

dengan kenaikan gaji, seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Penyelarasan Pencen 1980. Pelarasan pencen ini akan dinikmati oleh kira-kira 400 ribu pesara dan penerima pencen di seluruh negara.

Di samping itu, kerajaan juga akan membenarkan anggota perkhidmatan awam yang telah diletakkan di bawah skim pencen mengeluarkan semua baki simpanan caruman mereka dalam KWSP tanpa menunggu had umur 55 tahun. Sementara itu bahagian yang dicarum oleh kerajaan akan dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Pencen. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan perbelanjaan pengguna dan ini dijangka akan mengukuhkan permintaan serta memesatkan lagi kegiatan ekonomi dalam negeri. Namun begitu, kerajaan juga berharap agar mereka dapat menggunakan sumber ini secara bijaksana.

Selaras dengan hasrat mewujudkan masyarakat penyayang, kerajaan juga tidak mengabaikan golongan yang kurang bernasib baik, termasuk warga tua, kanak-kanak, golongan yang kurang upaya dan keluarga termiskin. Bagi tujuan ini, kerajaan akan menaikkan kadar wang saku kepada golongan tersebut yang berada di institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebagai tambahan, kerajaan akan menaikkan kadar bantuan kewangan bagi golongan yang sama. Peningkatan kadar bantuan ini akan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM34.29 juta.

Bagi pelajar-pelajar di luar negara, kerajaan prihatin akan masalah yang dihadapi oleh mereka berikutan dari kenaikan kos sara hidup di negara-negara berkenaan. Memandangkan keadaan ekonomi negara telah pulih, berkuatkuasa 1 Januari 2000, kadar biasiswa dan pinjaman dinaikkan di antara 10% hingga 65% untuk pelajar-pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dan MARA di lima belas buah negara. [*Tepuk*]

Bagi pelajar-pelajar di dalam negeri pula, kadar pinjaman untuk pelajar-pelajar IPTS telah dinaikkan daripada RM12,000 kepada RM12,500 untuk aliran sastera dan daripada RM16,000 kepada RM16,500 untuk aliran sains. Manakala, bagi pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), kerajaan telah memberi bantuan pendahuluan sebanyak RM1,000 hingga RM1,500 untuk membayar yuran pendaftaran.

Pelarasan pencen kepada pesara-pesara dan pertambahan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik serta peningkatan kadar biasiswa dan pinjaman

pelajar di luar negara akan melibatkan peruntukan tambahan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM370 juta.

Kerajaan juga telah menyediakan Skim Pinjaman Pendidikan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kepada semua pelajar yang layak melanjutkan pengajian ke peringkat institusi pendidikan tinggi tempatan. Sehingga akhir tahun 1999, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM980.6 juta untuk tujuan ini. Pada ketika ini, seramai 112,826 pelajar yang sedang menuntut di 11 buah IPTA dan 5 buah IPTS telah menerima kemudahan ini. Adalah dianggarkan seramai hampir 100,000 pelajar baru yang akan memasuki IPTA dan IPTS pada tahun ini akan diberi pinjaman daripada Tabung ini.

Semasa membentang Belanjawan 2000 pada bulan Oktober lalu, saya telah mengumumkan Skim Pengeluaran Pendidikan Anak Ahli KWSP yang membenarkan pencarum mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka bagi tujuan pendidikan tinggi. Sebagai tambahan, di bawah skim ini pencarum akan dibenar mengeluarkan caruman bagi tujuan pembelian komputer. Skim ini akan mula berkuatkuasa dengan secepat mungkin.

Bagi mempertingkatkan mutu persekolahan, kerajaan telah memperkenalkan sistem Sekolah Satu Sesi. Pada Jun 1999, sebanyak 6,577 atau 75.1% daripada sekolah-sekolah di seluruh negara telah melaksanakan sistem persekolahan ini. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2001, pelaksanaan projek pembangunan sistem Sekolah Satu Sesi akan diteruskan, melibatkan 473 buah bangunan tambahan atau gantian sekolah yang sedia ada dan 375 buah bangunan sekolah baru.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita dalam menganjur perlumbaan *Formula One* di Sepang pada bulan Oktober 1999 yang lalu telah meningkatkan lagi imej Malaysia di mata dunia sebagai pusat sukan antarabangsa dan pelancongan. Acara sukan berprestij itu mendapat liputan media massa dan elektronik antarabangsa yang meluas, memandangkan lebih daripada 600 juta penonton di seluruh dunia turut menyaksikannya melalui penyiaran 750 stesen daripada 260 buah negara. Mengikut satu bancian, seramai 65,000 pelawat asing dan peserta acara telah berada di Malaysia sepanjang tempoh perlumbaan tersebut dan menghasilkan pulangan tukaran wang asing melebihi RM500 juta. Malahan, lebih 50% daripada mereka telah menggunakan perkhidmatan

Penerbangan Malaysia, manakala lebih 70 peratus telah menginap melebihi dari satu minggu di hotel tempatan bertaraf antarabangsa. Terbukti kini, faedahnya begitu meluas. Kepada pihak pengurusan litar, kerajaan berharap prasarana canggih yang disediakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan minat rakyat kepada kegiatan-kegiatan sukan khusus, dengan izin, *specialised sports*, di samping menggalakkan kegiatan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada aspek pembangunan insan dalam melaksanakan agenda pembangunan negara yang seimbang antara pembangunan fizikal dan kerohanian. Untuk tujuan ini, sejumlah RM236.9 juta telah diperuntukkan bagi beberapa program keagamaan, termasuk program pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial serta program Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral. Bagi mencapai matlamat pembentukan insan yang berjaya di dunia dan di akhirat, pelbagai program bersepadu terus dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia, termasuk memajukan ekonomi masyarakat Islam, membangunkan tanah wakaf dan Baitulmal serta memperkemaskan mekanisme kutipan zakat.

Sejajar dengan usaha pembangunan insan yang menyeluruh, kerajaan juga terus memberi penekanan kepada perkembangan agama lain di negara kita. Bagi tujuan ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan setiap tahun bagi pembinaan dan pembesaran kuil, tokong, gereja dan lain-lain rumah ibadat. Langkah-langkah sentiasa diambil untuk mengukuhkan keyakinan beragama serta menghayati prinsip moral dan akhlak sebagai tunjang kekuatan dan ketahanan dalam membina sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai keyakinan diri serta berperibadi mulia. Kerajaan akan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk menerapkan amalan gaya hidup sihat serta mengurangkan segala bentuk kegiatan negatif, termasuk yang berpunca daripada merokok dan mengambil minuman keras. Sehubungan dengan ini, kerajaan dari masa ke semasa akan terus mengkaji kadar cukai ke atas kedua-dua barangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada dalam alaf baru. Abad ke-21 membawa cabaran yang lebih hebat, terutamanya berikutan dari proses globalisasi dan liberalisasi serta perkembangan teknologi maklumat yang akan menjadikan dunia tanpa sempadan. Justeru, kita perlu bijak mengatur langkah untuk bergerak pantas bagi meningkatkan ketahanan dan daya saing negara dalam menghadapi cabaran ini. Kita

akan berdepan dengan berbagai tekanan dan desakan dari masyarakat antarabangsa untuk membuka ekonomi negara dengan lebih luas dan menghadapi persaingan yang lebih mencabar. Satu kumpulan pemikir atau dengan izin, *Think Tank* telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan untuk menyediakan pelan tindakan strategik bagi membolehkan kita merancang dalam menghadapi cabaran ini.

Dalam Belanjawan ini, kita telah pun mengambil pelbagai langkah supaya sektor swasta dapat kembali sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Sektor swasta perlu memainkan peranan penting untuk meningkatkan ketahanan dan daya saing negara, khususnya dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi bagi membolehkan Malaysia menjadi peserta pasaran bertaraf antarabangsa. Sehubungan ini, mereka juga perlu berwaspada dengan perkembangan penggabungan mega syarikat-syarikat gergasi di negara-negara maju. Ini adalah penting demi untuk terus wujud dan mampu bersaing serta bertahan dalam dunia tanpa sempadan yang semakin mencabar. Justeru, mereka hendaklah menggiatkan usaha untuk meningkatkan produktiviti, berinovatif dan mampu mengeluarkan produk serta menyediakan perkhidmatan baru dengan menggunakan kaedah teknologi tinggi dan terkini dalam pengeluaran, pemasangan dan perhubungan yang lebih cekap serta berkesan.

Kini, sudah sampai masanya kita bertindak berani mengubah paradigma daripada ekonomi berteraskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada ekonomi berteraskan pengetahuan (K-ekonomi), selaras dengan usaha-usaha negara untuk memesatkan pembangunan industri berteknologi tinggi serta menjadikan IT sebagai pemangkin pertumbuhan di alaf ke-21. Sebuah Jawatankuasa Pemandu telah pun ditubuhkan di Kementerian Kewangan dan tindakan-tindakan sedang diambil bagi menyediakan Pelan Induk K-ekonomi. Pelan ini dijangka siap dalam tempoh enam bulan. Di samping itu, satu Pasukan Petugas akan ditubuhkan untuk mengenal pasti projek-projek berkualiti tinggi, termasuk projek-projek K-ekonomi yang layak diberi galakan istimewa, cukai dan bukan cukai.

Kerajaan juga sedang mempertingkatkan pelaksanaan IT dalam jentera pentadbiran supaya perkhidmatan kepada rakyat dapat disampaikan secara lebih cekap, terutama dalam usaha untuk membolehkan rakyat menggunakan perkhidmatan online, dengan izin, semasa berurusan dengan kementerian dan jabatan kerajaan. Pelaburan

dalam IT akan terus diberi keutamaan. Kerajaan berharap pihak swasta juga turut membuat lebih banyak pelaburan dalam pembangunan IT.

Bagi melicinkan proses peralihan kepada K-ekonomi, kita perlu mempertingkatkan bilangan tenaga kerja berpendidikan IT secukupnya, terutamanya bagi menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya. Dalam hal ini, sistem pendidikan negara mesti memberi penekanan yang lebih ke arah mewujudkan pendidikan berkualiti tinggi demi melahirkan satu generasi tenaga kerja yang pintar dan berpendidikan. Saya menggesa supaya sektor swasta tampil ke hadapan bagi melengkapkan usaha kerajaan dengan menyediakan pelaburan berkaitan bagi memenuhi aspirasi negara ke arah mempercepat dan menjayakan peralihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi cabaran di alaf baru ini, kita perlu berpegang kepada prinsip pentadbiran yang telus dan bersih. Penyelewengan yang boleh membawa kepada kehancuran nilai-nilai murni dan maruah negara akan sentiasa kita bendung, sama ada dalam pentadbiran awam mahu pun swasta. Kerajaan akan terus bertindak untuk membentasi segala penyelewengan penggunaan kuasa di segenap peringkat, supaya dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat niaga tempatan dan antarabangsa.

Usaha-usaha juga dibuat bagi meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan awam melalui Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan bagi memantapkan lagi pentadbiran Kerajaan di semua peringkat. Matlamat utama Jawatankuasa ini ialah bagi mewujudkan suatu sistem pentadbiran Kerajaan yang cekap, bersih dan proaktif. Kerajaan juga akan terus mengkaji secara mendalam peraturan-peraturan sedia ada bagi melaksanakan langkah-langkah deregulasi dan memansuhkan mana-mana peraturan yang tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, mandat lebih daripada dua pertiga yang diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional membuktikan bahawa rakyat mahukan sebuah Kerajaan yang kukuh dan stabil; sebuah Kerajaan yang berkeupayaan memacu pertumbuhan ekonomi negara dan mampu meningkatkan martabat serta maruah bangsa, agama dan negara. Mandat yang diberikan oleh rakyat telah memperkukuhkan lagi tekad dan azam Kerajaan bagi meneruskan usaha-usaha pembangunan yang menyeluruh, demi

memenuhi aspirasi rakyat untuk terus mengecapi kemakmuran serta menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan.

Sebagai sebuah Kerajaan yang mempunyai pengalaman memerintah sejak negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai *track record* dengan izin, yang cemerlang di dalam memajukan negara kita yang berbilang bangsa dan agama melalui perkongsian bistari berasaskan kepada kerjasama serta gandingan tenaga antara kaum. Kita telah berjaya menjadikan masyarakat majmuk sebagai aset dan kekuatan yang boleh digembleng untuk mewujudkan masalah yang harmoni, maju dan bertoleransi. Perpaduan dan sikap toleransi adalah asas utama kejayaan kita. Rakyat Malaysia yang cintakan negara harus menghayati nilai-nilai ini supaya kita dapat terus mempertahankan kedaulatan negara daripada dicabuli oleh mana-mana pihak. Kita harus mengambil iktibar dari pengalaman negara-negara lain yang dilanda perpecahan. Pencapaian kita sejak merdeka boleh lenyap dalam sekelip mata jika kita leka dan alpa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan semua pihak, termasuk ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sunguhpun negara telah keluar dari belunggu cengkaman krissis kewangan, kita tidak harus leka kerana negara masih berdepan dengan banyak risiko, halangan dan rintangan yang boleh menggugat kelancaran pembangunan. Kejayaan kita dalam menghadapi segala cabaran tersebut bergantung kepada kesediaan untuk mengubah sikap. Kita tidak ada pilihan: kita perlu bersatu padu, bersikap dinamik, bekerja dengan penuh dedikasi serta sanggup dan berani membuat pembaharuan dan pengorbanan. Kita perlu bertindak pantas menyusun langkah bagi mengembleng segenap usaha dan ikhtiar dengan pemikiran dan perancangan yang strategik serta semangat untuk terus maju. Kita juga perlu berani mengambil tindakan bagi menjaga kepentingan kita, menanam tekad serta keazaman dan semangat juang yang tinggi. Kita mesti mempunyai keyakinan bahawa kita boleh membina sebuah negara yang mampu bersaing dan mempunyai daya tahan yang tinggi untuk muncul sebagai negara maju. Insya-Allah, Kerajaan Barisan Nasional akan terus mengukuhkan asas bagi mencapai matlamat ini.

Kita yakin gandingan padu barisan pemimpin baru dan lama pemuda dan wanita, akan dapat membawa negara ke mercu kejayaan yang lebih gemilang di alaf baru ini. Saya ingin mengajak semua lapisan rakyat mengeneipkan perbalahan yang ada dan

bersama-sama bermuafakat serta mengukuhkan perpaduan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Pilihan raya sudah berakhir, rakyat telah membuat keputusan. Sekarang marilah kita bersama membina negara kita mencapai pembangunan seimbang. Kita perlu sama-sama bersepakat demi mempertahankan kedaulatan negara, bangsa, agama dan supaya negara terus maju dan makmur, aman dan tenteram, serta bebas dan bermaruah. Semoga Allah sentiasa memberkati dan merestui usaha-usaha murni kita bersama, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan [*Tepuk*]

**Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan [Tun Dato' Daim Zainuddin]** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan”.

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong. Oleh yang demikian, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 28hb. Februari, 2000.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 4.45 petang.*

Februari 2000

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

Yang Berhormat Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

“ Dato Goh Siow Huat (Rasah)

“ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

“ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

“ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)

“ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)

“ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)

“ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

“ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)

“ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)

“ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)

“ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

“ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)

“ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

“ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)

“ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)

“ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

“ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)

“ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)

“ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

“ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

“ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)

“ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

- Yang Berhormat Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)

- Yang Berhormat Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dat uk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Khairul Azila binti Haji Khairuddin  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Abu Bakar bin Hasan  
Alias bin Md. Nor

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

# **K A N D U N G A N**

## **PARLIMEN KESEPULUH**

### **PENGGAL KEDUA**

#### **MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid II**

**Bil. 8**

**Jumaat**

**25 Februari 2000**

---

#### **RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

(Halaman 1)

#### **USUL:**

Anggaran Pembangunan 2000

(Halaman 18)